

PM: Basmi kemiskinan elak keganasan

LANGKAWI 29 Julai — Semua negara, yang kaya dan yang miskin, perlu berusaha bersama untuk membasmi kemiskinan jika mahu menyekat keganasan daripada memporak-perandakan dunia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, semua pihak perlu berganding bahu dan bekerjasama mencapai matlamat ini dengan negara-negara kaya perlu membantu tanpa mengenakan syarat, manakala negara-negara penerima (bantuan) harus memastikan pentadbiran baik dan telus.

"Pembaharuan tidak boleh dipaksa dan tidak boleh bersifat berat sebelah. Keinginan dan sumber perlu digabungkan bagi memastikan kejayaan apa juga tindakan," kata Abdullah semasa menyampaikan ucapan pada majlis makan malam Global 2004 - Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) di sini malam ini.

LID 2004 yang bermula hari ini hingga Sabtu menyaksikan penyertaan kira-kira 600 peserta dari sekitar 20 negara.



Laporan
GAMAL NASIR MOHD, ALI, LOKMAN OTHMAN
dan **HATA WAHARI**

Menurut Perdana Menteri, satu bentuk ketidakstabilan telah muncul - ketakutan sejagat dan terorisme sejagat - yang menyumbang lagi kepada penyusutan kesejahteraan hidup manusia.


Katanya, perselisihan faham antara pelbagai kumpulan, khususnya di antara Islam dan Barat, kian memuncak dari tidak menunjukkan sebarang tanda akan reda.

Tambah beliau, masalah kemiskinan kian memburuk, dan ini bertentangan dengan pendirian dan pernyataan pemimpin-pemimpin negara maju.

"Kemelut ini berterusan dan negara-negara miskin, yang telah pun ditekan dengan dasar-dasar perdagangan yang tidak adil, terus menanggung masalah kemiskinan yang bermaharajalela dan tiada penghujung," tegasnya.

Abdullah, yang mempekerusikan bagi kali pertama sidang perkongsian pintar ini sejak menjadi Perdana Menteri Oktober lalu, menjelaskan, terorisme bukanlah satu fenomena baru kerana sejarahnya dipenuhi dengan contoh-contoh keganasan.

Bagaimanapun, selepas tragedi 11 September, ke-



ABDULLAH Ahmad Badawi berucap pada majlis makan malam Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2004 di Pelangi Beach Resort, Langkawi, malam tadi. — Gambar Bernama

ganasan yang berlaku menerima pakai satu bentuk baru, iaitu usaha memerangi keganasan dengan keganasan sudah dihalalkan sebagai cara beroperasi, jelas beliau.

"Tetapi, kita harus bertanya, apakah yang menyebabkan seseorang menjadi pengganas dan kenapa ada orang yang Sanggup melakukan sesuatu yang sangat terdesak sehingga bersedia mengorbankan nyawa sendiri?" kata Abdullah.

Mungkin rasa kecewa ekoran rasa tidak adil dan saksama di dalam dunia, ditambah dengan hubungan tidak seimbang dan ketidakseimbangan sejagat menyumbang kepada semua bentuk jurang sekarang, katanya lagi.

Perdana Menteri mengajak semua negara mewujudkan dialog sesama sendiri kerana ia merupakan saluran komunikasi paling berfaedah bagi menjelaskan perbezaan dan merapatkan jurang.

"Dialog-dialog membantu mewujudkan pemahaman, dan biasanya menyumbang kepada pembinaan konsensus.

"Pergerakan perkongsian pintar (seperti LID) berpandu kepada prinsip-prinsip nilai sejagat mengenai rasa prihatin dan bekerja ke arah kesejahteraan bersama sebagai matlamat akhir," katanya.

Abdullah mahu keganasan tidak diatasi dengan cara-cara taktikal ke-

tenteraan, tetapi dengan memahami dan menyelesaikan punca akar-umbi.

"Masyarakat yang dibebani dengan masalah kemiskinan dan rasa hilang harapan menjadi landang subur kepada tindakan berbentuk ganas yang ekstrem.

"Kita tidak boleh hidup di atas pulau yang makmur dan mewah, tetapi dikelilingi oleh samudera kekecewaan, rasa terasing, serta hidup terkempungan," katanya.